

# PERANAN PERUBATAN ISLAM DALAM RAWATAN PENYAKIT FIZIKAL: ANALISIS TERHADAP BAHAN RAWATAN BERSUMBERKAN HAIWAN PERSPEKTIF HALAL DAN HARAM

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>i</sup> & Setiyawan Gunardi<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Timbalan Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. [mahyeddin@usim.edu.my](mailto:mahyeddin@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)

## Abstrak

*Perubatan Islam adalah salah satu cabang rawatan komplementari kepada penyakit yang dihadapi oleh masyarakat. Biasanya, bahan rawatan akan digabungkan dengan bacaan doa dan ruqyah sebagai ikhtiar kesembuhan. Kebanyakan bahan rawatan yang digunakan adalah bersumberkan tumbuhan yang tidak memiliki banyak isu hukum. Bagaimanapun, terdapat juga penggunaan bahan bersumberkan haiwan bagi rawatan beberapa penyakit dan perlu dilihat dalam aspek halal dan haramnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dasar Islam dalam penggunaan haiwan dalam perubatan, mengkaji pandangan ulama berhubung prinsip rawatan berasaskan haiwan dan menganalisis jenis-jenis haiwan yang digunakan dalam rawatan perubatan Islam. Metodologi kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian menunjukkan bahawa bahan rawatan bersumberkan haiwan sememangnya digunakan dalam perubatan Islam. Contohnya seperti lendir belut (penyakit asma atau lelah), anak burung ciak rumah (penyakit asma kanak-kanak), organ dalaman haiwan halal dimakan seperti hati, otak, limpa dan jantung (penyakit darah rendah), telur ayam kampung (penyakit jantung), dan arnab jantan (penyakit lumpuh). Kajian perspektif sains wajar dilakukan bagi membuktikan keberkesanan bahan-bahan rawatan ini dalam merawat penyakit yang dinyatakan.*

*Kata kunci: perubatan Islam, penyakit fizikal, bahan rawatan, haiwan, halal dan haram.*

## PENGENALAN

Perubatan Islam adalah suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan spritual berdasarkan hukum syarak oleh orang yang mahir dengan kaedah rawatan yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT. Konsep perubatan Islam sebenarnya amat luas, disebabkan pelbagai penyakit jasmani mahupun rohani boleh dirawat dengan kaedah yang terdapat dalam perubatan Islam. Ini termasuklah rawatan menggunakan doa-doa tertentu yang bersumberkan Al-Quran dan hadith, serta amalab para salafussoleh. Bahan-bahan tertentu yang halal di sisi syarak juga boleh juga digunakan dalam proses rawatan (Haron Din, 2011).

Penggunaan haiwan sebagai bahan rawatan bukanlah suatu perkara yang asing dalam tradisi rawatan Islam. Ini kerana, terdapat beberapa ayat dalam Al-Quran yang menunjukkan faedah-faedah kesihatan yang diperolehi daripada haiwan. Contohnya khasiat madu lebah yang mampu menjadi penawar kepada kebanyakan jenis penyakit (Sūrah al-Naḥl 16:69). Selain itu, dalam sebuah hadith, dinyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah memberikan kebenaran kepada kaum Urainah untuk meminum air kencing unta sebagai ubat. Meskipun para ulama membahaskan isu ini dalam konteks darurat perubatan, namun asasnya wujud iaitu haiwan telah dijadikan sebagai bahan rawatan penting oleh para sahabat.

Dalam konteks perubatan masyarakat Melayu-Islam di Nusantara, penggunaan bahan alami termasuk haiwan (fauna) bukanlah perkara yang asing. Ini dapat dilihat dalam manuskrip antaranya berjudul *Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan*, yang dikarang oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. Dalam karya ini, dinyatakan beberapa penggunaan organ-organ tertentu haiwan seperti: hempedu, ekor, otak, dan juga gading. Selain itu, susu dan telur ayam juga turut digunakan sebagai bahan rawatan. Susu yang digunakan di sini ialah: susu lembu, susu kambing, susu keldai, dan susu unta. Bagi telur pula, ada yang memerlukan putih dan kuningnya. Ada juga penyakit yang hanya memerlukan putihnya sahaja dan juga sebaliknya. Penggunaan air kencing haiwan juga turut dinyatakan di dalam kitab ini. Ia melibatkan penggunaan air kencing unta yang digunakan untuk merawat penyakit busuk hidung (Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad, 2008).

Selain itu, jika dilihat dalam bidang perubatan tradisional masyarakat peribumi di Malaysia, kebanyakan bahan-bahan rawatan adalah bersumberkan daripada haiwan. Teknik rawatan begini dikenali sebagai zooterapi. Kaedah ini merupakan salah satu sumber perubatan tradisional terpenting bagi kebanyakan masyarakat peribumi Asia khususnya di Sabah dan Sarawak. Bahkan, laporan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sejumlah 80% daripada 6 bilion penduduk dunia masih bergantung kepada kaedah demikian. Ia disebabkan oleh beberapa faktor seperti budaya hidup masyarakat peribumi yang berpengetahuan luas dalam perubatan berasaskan biodiversiti, selain kos perkhidmatan kesihatan moden yang terlalu mahal atau tidak wujud di kawasan mereka. Haiwan yang digunakan sebagai sumber ubatan tradisional kebiasaannya adalah haiwan yang telah mati. Bahagian-bahagian seperti daging, tanduk, tulang, ekor, bulu, kuku, lemak, hempedu dan cangkerang serta pelbagai bahagian lain diambil kerana dipercayai mampu menjadi penawar kepada pelbagai jenis penyakit. Terdapat juga bahan berasaskan haiwan yang diambil daripada haiwan yang masih hidup seperti urin, najis, duri, madu, hempedu dan susu (Zubaidah, Norsuhana & Fatan Hamamah, 2012).

Namun demikian, bagi seorang Muslim pemilihan bahan rawatan halal begitu penting kerana mempunyai kaitan langsung dengan aspek mendapatkan redha Allah SWT. Seorang Muslim yang sentiasa mengutamakan sumber yang halal dalam makanan mahupun perubatan akan dapat memastikan amalan ibadah yang dilakukan dengan lebih sempurna. Dalam sebuah hadis, dinyatakan bahawa doa

orang yang memakan makanan haram tidak diperkenankan oleh Allah swt berdasarkan maksud sebahagian hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Kemudian ia menyambut seorang lelaki yang jauh perjalanannya, yang kusut masai rambutnya, lagi berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit sambil berdoa: Hai Tuhanku, hai Tuhanku, padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan yang haram pula, maka bagaimanakah mungkin itu diperkenankan baginya?”

Selain itu, baiknya pemakanan seseorang dan bersumberkan halal adalah syarat kepada kesempurnaan amalannya. Seorang yang hidup mengamalkan pemakanan yang halal dan baik akan memberi kesan kepada kesucian hati serta beramal ibadah dengan lebih sempurna. Sebaliknya pemakanan yang haram akan menjadi pendinding yang menghalang sesuatu amalan itu diterima oleh Allah (Shafie, Nazri, & Hussin, 2019).

## SOROTAN LITERATUR

### *Manfaat Haiwan Menurut Al-Quran dan Sunnah*

Penciptaan haiwan adalah sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia yang berperanan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Ini sejajar dengan penjelasan Al-Quran mengenai tujuan penciptaan semua makhluk untuk manusia:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan: “Dialah yang menjadikan bagi kamu semua yang ada di bumi” (Surah al-Baqarah 1:29)

Makhluk dalam ayat di atas merangkumi semua perkara yang bermanfaat termasuklah haiwan, tumbuhan, gunung ganang, hasil bumi dan sebagainya. Kesemua makhluk ini dijadikan mudah untuk didapati dan diperolehi manfaat daripadanya sama ada sebagai makanan, kenderaan, perubatan, pakaian, perhiasaan dan lain-lain bentuk pemanfaatan. Disebabkan ini, Rasulullah SAW melarang dari membunuh haiwan tanpa sebab, bahkan perbuatan ini akan dipertanggungjawabkan kepada si pelakunya pada hari kiamat kelak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ إِنْسَانٍ قَتَلَ عُصْفُورًا فَمَا فَوْقَهَا بِغَيْرِ حَقِّهَا إِلَّا سَأَلَهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَنْهَا " . قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا حَقُّهَا قَالَ " يَذْبَحُهَا فَيَأْكُلُهَا وَلَا يَقْطَعُ رَأْسَهَا يَرْمِي بِهَا

Terjemahan: “Tidak ada seorang pun yang membunuh burung kecil atau apa pun yang lebih besar tanpa sebab yang adil, melainkan Allah Azza wa

Jalla akan menanyakannya tentang itu." Dikatakan: "Wahai Rasulullah, apakah maksud 'sebab yang adil'?" Beliau bersabda: "Bahawa kamu menyembelihnya dan memakannya, dan tidak memotong kepalanya lalu dibuang." (Al-Nasaie. Bab Ibaahat Akl al-'Asafir. No. hadith 4349)

Pada dasarnya, tujuan penciptaan haiwan adalah bagi memudahkan urusan kehidupan manusia di dunia. Dalam hal ini, aspek kebergantungan manusia kepada haiwan telah dinyatakan secara khusus oleh Al-Quran, antaranya sebagai sumber makanan, pakaian untuk memanaskan tubuh badan, perhiasan diri, dan juga alat pengangkutan. Allah berfirman:

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنَافِعُ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ (5) وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ (6) وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمْ تَكُونُوا بِالْغَيْبِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرؤُوفٌ رَّحِيمٌ (7)  
وَالْحَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (8)

Terjemahan: "Dan binatang-binatang ternak itu, Dia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain dan daripadanya juga kamu makan (5) Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang) dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). (6) Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya. (7) Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan dan Dia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya. (8)" (Sūrah al-Nahl, 16:5-8)

Menurut Ibn Kathīr (1999), istilah *al-an'ām* adalah merujuk kepada "haiwan ternakan seperti unta, kambing dan lembu" (Jld.4, ms.557). Berdasarkan keterangan yang dikemukakan ini, amat jelas bahawa haiwan memiliki kedudukan yang penting dalam Islam terutamanya dalam memenuhi keperluan manusia yang bervariasi. Menerusi Al-Quran dan Sunnah, manusia diajar bagaimana untuk berinteraksi dengan haiwan merangkumi panduan hukum hakam dan penjagaan hak-hak haiwan.

Secara prinsipnya, terdapat beberapa perkataan dalam Al-Quran yang merujuk kepada beberapa bahan-bahan yang berasal daripada tubuh haiwan antaranya seperti kulit, bulu, tulang, darah, daging, susu dan madu. Misalnya Allah SWT berfirman mengenai kegunaan kulit dan bulu haiwan:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّوهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثَانًا وَمَتَاعًا إِلَىٰ حِينٍ (80)

“Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal dan Dia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti dan (Dia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa” (Sūrah al-Nahl, 16:80).

Menurut Al-Marāghī (1946, 14:120), ayat di atas menjelaskan mengenai beberapa nikmat Allah kepada manusia iaitu dalam bentuk kulit haiwan ternakan yang dijadikan khemah kediaman serta mudah dibawa ke mana-mana. Begitu juga bulu-bulu haiwan seperti daripada biri-biri (*ṣūf*), unta (*wibr*), dan kambing (*sha'ru*) dijadikan sebagai perabot (*athāth*) dan perhiasan (*matā'*). Perkataan perabot juga boleh diertikan sebagai kelengkapan rumah seperti hamparan dan pakaian, manakala perhiasan bermaksud sesuatu yang dinikmati atau dimanfaatkan untuk tujuan perniagaan dan kehidupan.

Haiwan juga menjadi antara pembekal sumber minuman yang berkhasiat untuk manusia. Misalnya, Al-Quran menjelaskan mengenai kejadian susu yang terhasil antara hampas makanan dan darah dalam badan haiwan, seperti firman Allah:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ

Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya” (Sūrah al-Nahl, 16:66)

Begitu juga minuman seperti madu lebah mampu menjadi penawar kepada kebanyakan jenis penyakit. Hal ini dinyatakan menerusi firman Allah:

يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: “(Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir” (Sūrah al-Nahl 16:69)

Madu merupakan antara bahan perubatan penting yang turut dianjurkan penggunaannya oleh baginda Rasulullah SAW. Perkara ini ada disebutkan dalam sebuah hadis sahih riwayat Imam al-Bukhārī, di mana Rasulullah SAW bersabda:

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةٍ: فِي شَرْطَةِ مِحْجَمٍ، أَوْ شَرْبَةِ عَسَلٍ، أَوْ كَيْبَةِ بِنَارٍ، وَأَنَا أَنهَى أُمَّتِي عَنِ الْكَيْبِ

Terjemahan: “Kesembuhan itu terdapat dalam tiga perkara: Jarum bekam, meminum madu, dan membakar dengan api. Tetapi aku melarang umatku dari membakar (dengan api)” (Al-Bukhārī, 2003, *Kitāb al-Ṭibb, Bāb al-Shifā’ fi Thalāth*)

### ***Kewajipan Menggunakan Bahan Halal Dalam Rawatan***

Setiap bahan yang digunakan sebagai ubat untuk merawat sesuatu penyakit mestilah dipastikan ianya halal. Ini kerana segala benda atau bahan kotor dan tidak halal dilarang sama sekali oleh Allah SWT untuk dijadikan sebagai bahan rawatan seperti arak, babi, darah, bangkai, dan sebagainya. Begitu juga bahan-bahan yang kotor seperti najis sama ada najis binatang atau manusia, air kencing dan lain-lain. Firman Allah SWT:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

Terjemahan: “dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk” (Surah al-A’raf, 7:157)

Demikian juga dalam aspek perubatan, walaupun Nabi SAW memberikan kebebasan kepada umat baginda untuk menggunakan bahan-bahan tertentu sebagai ubat dalam merawat sesuatu penyakit, namun baginda melarang penggunaan bahan-bahan yang diharamkan (Haron Din, 2011). Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Darda’, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram” (Kitab al-Tib. Bab Fi al-Adwiyah al-Makruhah. No hadith: 3874)

Oleh yang demikian, bahan-bahan yang tidak halal dan diharamkan oleh Allah SWT seperti yang terkandung dalam Al-Quran atau dijelaskan oleh Nabi SAW sama sekali tidak boleh dijadikan ubat untuk merawat penyakit walaupun dalam kuantiti yang sedikit. Contohnya, menggunakan beberapa titis arak untuk merawat sesuatu

penyakit. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah RA:

مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

Terjemahan: “Apa sahaja yang memabukkan sama ada banyak atau sedikit ia adalah haram” (Ibn Majah. Abwab al-Asyribah. No. hadith 3393)

Dalam hadis yang lain, baginda SAW juga menegah umatnya dari berubat dengan menggunakan sesuatu yang kotor (*al-khabith*). Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

هَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الدَّوَاءِ الحَبِيثِ

Terjemahan: “Rasulullah SAW telah melarang daripada (menggunakan) ubat yang kotor” (Ibn Majah. Abwab al-Tib. Bab al-Nahy ‘an al-Dawa’ al-Khabith. No. hadith 3459)

Menurut Ibn ‘Arabi, perkataan *al-khabith* dalam istilah Arab merujuk kepada sesuatu yang dibenci. Akan tetapi, apabila dirujuk kepada sesuatu percakapan, ia bermakna suatu celaan. Manakala jika dirujuk kepada agama bermaksud kufur. Jika dirujuk kepada makanan, ia bermakna makanan yang diharamkan (Haron Din, 2011). Berdasarkan hadis riwayat at-Tirmizi dan Ibn Majah, disebutkan dengan tambahan bahawa yang dimaksudkan *al-khabith* iaitu ubat yang kotor itu, adalah *as-Sum* iaitu racun.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen adalah untuk memahami secara lebih dekat dan menyeluruh tentang perkara berkaitan pandangan ulama berkaitan hukum penggunaan haiwan sebagai bahan rawatan, dan jenis bahan-bahan rawatan bersumberkan haiwan dalam perubatan Islam. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan meneliti kitab fiqh yang dijadikan sebagai rujukan bagi menetapkan sesuatu hukum berkaitan hukum sutera yang telah dibincangkan oleh para ulama muktabar. Terdapat dua sumber analisis dokumen iaitu sumber primer yang terdiri daripada buku mengenai rawatan Islam dan kitab-kitab fiqh. Seterusnya, rujukan juga diambil dari sumber sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, majalah, bibliografi, kertas-kertas kerja seminar, akhbar dan sebagainya untuk mengetahui pandangan para sarjana Islam kontemporari terhadap kajian yang dibincangkan.

## DAPATAN KAJIAN

### Dasar-dasar agama yang mendasari penggunaan haiwan dalam perubatan Islam.

Islam secara dasarnya menggalakkan umatnya untuk mendapatkan rawatan apabila ditimpa penyakit. Umat Islam tidak boleh berpeluk tubuh tanpa ikhtiar yang sesuai untuk berubat, dan hanya menyerahkan kepada takdir untuk kesembuhan. Perubatan Islam haruslah berpandukan kepada garis panduan perubatan yang dianjurkan dalam Al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 82:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya”

Ayat di atas bahawa perubatan Islam adalah berteraskan wahyu ilahi yang diambil daripada petunjuk Al-Quran dan hadith. Justeru, apabila berteraskan wahyu Allah, maka pelaksanaannya sudah tentu merupakan suatu bentuk ibadah yang dibuat bagi mendapat keredhaan Allah. Sehubungan itu, apabila ditimpa penyakit, Allah SWT menyuruh agar hambaNya memohon kesembuhan kepadaNya. Firman Allah SWT:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

Terjemahan: “Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku”

(Al-Quran. Surah al-Syu'ara'. Ayat 80)

Rasulullah SAW juga menyarankan kepada umat baginda agar mencari penawar atau ubat apabila ditimpa penyakit. Hakikatnya, apabila Allah SWT menurunkan penyakit, Dialah juga yang menjadikan penawar untuk penyakit tersebut. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Syarik RA:

تَدَاوَوْا عِبَادَ اللَّهِ، فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا الْهَرَمَ

Terjemahan: “Berubatlah wahai sekalian hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak menciptakan penyakit kecuali diciptakan juga bersama ubatnya, melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua” (Ibn Majah. Kitab al-Tibb. No. hadith 3436)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Jabir RA, Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Terjemahan: “Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit itu, nescaya disembuhkan dengan izin Allah ‘Azza wa Jalla (Muslim. Kitab al-Salam. No. hadith 5741)

Oleh yang demikian, perlulah dilakukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencari penawar penyakit. Usaha murni menjalankan penyelidikan untuk menentukan penawar yang berkesan juga dianggap satu ibadah. Bagaimanapun, sumber ubat yang hendak digunakan perlulah dipastikan bukan daripada sumber yang haram. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram” (Abu Daud. Kitab al-Tib. Bab Fi al-Adwiyah al-Makruhah. No hadith: 3874)

Hadith di atas secara jelas melarang daripada menggunakan benda-benda yang najis dan haram bagi tujuan perubatan, melainkan dalam keadaan darurat dan tiada alternatif ubat daripada sumber halal. Ini juga selari dengan prinsip Al-Quran, menerusi firman Allah SWT:

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرُّتُمْ إِلَيْهِ

Terjemahan: “Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya” (Al-Quran. Surah al-An’am. Ayat 119)

Berdasarkan dalil-dalil di atas, para ulama mazhab Syafie berpandangan ubat daripada bahan haram harus digunakan ketika dalam keadaan darurat. Walaubagaimanapun di dalam kitab al-Majmu’ dinyatakan bahawa larangan tersebut (berubat dengan yang haram dan najis) ialah dalam situasi tidak ada ubat-ubatan halal dan suci yang dapat menggantikan ubat daripada sumber haram dan najis. Justeru, jika ada ubat halal, maka haram menggunakan ubat daripada bahan najis (Al-Nawawi, t.th).

### **Pandangan ulama tentang kehalalan dan keharaman penggunaan haiwan untuk rawatan.**

Daripada perspektif hukum Islam, sekiranya bahan haiwan tersebut adalah daripada kategori haiwan halal dimakan dan telah dilakukan penyembelihan mengikut rukun-

rukun dan syarat-syaratnya, ia tidak menimbulkan apa-apa permasalahan hukum kerana bahan-bahan tersebut dianggap suci dan halal. Bahkan, perkara ini merupakan sesuatu yang telah disepakati oleh para ulama. Oleh itu, sebarang produk yang dihasilkan menggunakan salah satu bahagian daripada haiwan kategori ini seperti kulit, tanduk, tulang, bulu, lemak dan seumpamanya adalah dikira halal (Ibn Qudāmah, 1968, 1:54).

Namun demikian, sekiranya bahan-bahan tersebut diambil daripada haiwan yang halal tetapi tidak disembelih (bangkai) atau haiwan yang diharamkan secara nas, wujud kepelbagaian pendapat ulama mengenainya. Asas kepada perbincangan mereka dalam isu ini adalah berpandukan dalil Al-Quran antara Sūrah Al-Mā'idah (5:3), mengenai pengharaman bangkai, darah, daging khinzir, dan haiwan yang disembelih bukan kerana Allah. Misalnya, mazhab Ḥanafī berpandangan bahawa anggota atau bahagian badan bangkai binatang yang berbentuk objek keras atau yang tiada pengaliran darah seperti tulang, tanduk, gigi, kuku, bulu, gading gajah dan sebagainya adalah tidak najis (Al-Kāsānī, 1986, 1:63). Berdasarkan pendapat ini, mazhab Ḥanafī juga menyatakan mana-mana anggota haiwan yang mempunyai aliran darah seperti tangan, telinga, ekor dan hidung adalah najis sekiranya diambil ketika haiwan tersebut masih hidup. Sebaliknya anggota haiwan yang tiada aliran darah seperti kuku, tanduk dan bulu adalah suci meskipun diambil ketika hidup.

Manakala di sisi jumur ulama selain mazhab Ḥanafī, semua bahagian bangkai adalah najis termasuklah anggota-anggota yang bersifat keras. Oleh itu, anggota haiwan yang dipotong ketika masih hidup juga dianggap najis pada pandangan jumur. Namun terdapat pengecualian dalam isu bulu haiwan, di mana semua mazhab selain mazhab Shāfi'ī berpandangan ianya suci sama ada bulu daripada bangkai atau yang dikerat daripada haiwan ketika hidup (Al-Zuhailī, 2007, 1:309).

Begitu juga dalam masalah kulit bangkai haiwan, Imam al-Nawawī (1992, 4:54) dalam karyanya *al-Minhāj* merekodkan sebanyak tujuh pendapat ulama mengenai hukum penggunaannya. Bagaimanapun, pendapat yang paling kuat adalah ia menjadi bersih setelah disamak, sama ada dari haiwan yang halal dimakan, atau haram dimakan (Al-Zuhailī, 2007, 1:310). Ini merupakan pendapat kebanyakan para ulama daripada mazhab Ḥanafī, mazhab Shāfi'ī dan salah satu pendapat Imam Ahmad (Ibn Taimiyyah, 1995, 21:92). Manakala anggota, organ dan tisu binatang yang tidak disembelih yang tidak bersifat keras seperti jantung, hati, pankreas dan seumpamanya, penggunaannya tidak diharuskan kecuali ketika hajat dan darurat sahaja. Ini kerana kesemua organ-organ tersebut adalah najis di sisi semua mazhab (Al-Zuhailī, 2007, 1:309).


Seterusnya, pemanfaatan bahan-bahan yang berasal daripada khinzir masih menimbulkan perdebatan apabila wujud sesetengah pendapat yang mengkhususkan pengharaman khinzir terhadap dagingnya sahaja. Ia berpunca daripada nas Al-Quran yang menyebut secara jelas mengenai perkara tersebut. Justeru, timbul persoalan mengenai pemanfaatan anggota-anggota khinzir yang lain seperti kulit, tulang, bulu yang banyak digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis produk gunaannya masakini.




Antara karya yang penting adalah seperti buku “*Halal dan Haram dalam Islam*” hasil penulisan oleh Sheikh Yūsuf al-Qaraḍāwī (2014). Karya ini sering dirujuk oleh kebanyakan pengkaji hukum Islam masakini, khususnya untuk mendapatkan pandangan syarak mengenai isu-isu halal semasa. Hukum berkaitan haiwan dibahaskan pada bab yang ketiga. Menurut al-Qaraḍāwī, haiwan yang diharamkan dalam Al-Quran terhad kepada empat jenis sahaja iaitu khinzir, bangkai, darah dan sembelihan selain daripada Allah. Namun demikian, hukum haram terhadap haiwan tertentu boleh berubah kepada halal ketika seseorang itu berada dalam keadaan keperluan yang amat mendesak (*darūrah*). Menurut beliau juga, keharusan penggunaan produk perubatan daripada sumber haram adalah tertakluk kepada tiga syarat iaitu; ubat itu amat diperlukan untuk menyelamatkan nyawa, disyorkan oleh pakar perubatan Muslim yang dipercayai dan amanah, dan tiada ubat alternatif daripada bahan halal. Dalam isu mengambil manfaat dari anggota haiwan, al-Qaraḍāwī berpandangan bahawa yang diharamkan ialah memakannya dagingnya sahaja. Berdasarkan prinsip ini, bahagian-bahagian lain seperti kulit, tanduk, tulang dan bulu adalah harus digunakan walaupun daripada haiwan yang tidak disembelih secara syarak, sekiranya ternyata memberi manfaat kepada manusia. Kupasan oleh Al-Qaraḍāwī dalam isu-isu mengenai haiwan amat menarik untuk dikaji memandangkan dalam beberapa keadaan, pendirian beliau dilihat bersesuaian untuk dipraktikkan dalam konteks masakini.

### Jenis-jenis haiwan yang digunakan dalam rawatan tradisional Islam

Terdapat beberapa spesis haiwan yang digunakan sebagai bahan rawatan dalam perubatan Islam. Antara seperti belut, anak burung ciak dan undo-undo (binatang kecil biasanya duduk di dalam tanah bawah rumah) untuk rawatan penyakit asma, organ dalaman haiwan halal dimakan seperti hati, otak, limpa dan jantung untuk rawatan penyakit darah rendah, telur ayam kampung untuk rawatan penyakit jantung, arnab jantan untuk rawatan penyakit lumpuh (Haron Din, 2011). Perincian mengenai kaedah dan teknik bahan berasaskan haiwan dalam merawat penyakit jasmani ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Kaedah dan teknik penggunaan haiwan dalam perubatan Islam

Bil	Bahan Haiwan	Kegunaan	Kaedah rawatan
1.	Lendir belut ( <i>Ordo Anguilliformes</i> ) 	Rawatan penyakit asma atau lelah	Ambil sekeping roti, contohnya roti sandwich. Kemudian lurutkan pada badan belut supaya semua lendir daripada badan belut melekat pada roti tersebut. Kemudian biarkan lendir yang melekat pada roti menjadi kering. Sapukan mentega atau seumpamanya pada roti yang telah melekat

			lendir belut tersebut untuk dimakan. Selain roti, boleh sapukan beras pada badan belut, kemudian beras dibuat bubur untuk dimakan. Sebelum makan, bacakan doa terlebih dahulu (Haron Din, 2011).
2.	Anak burung ciak rumah ( <i>Eurasian Tree Sparrow</i> ) 	Rawatan penyakit asma kanak- kanak	Sembelih tiga ekor anak burung ciak rumah yang baru menetas. Bersihkan, kemudian dibuat sup untuk diberikan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua tahun. Sebelum minum sup, bacakan doa terlebih dahulu (Haron Din, 2011).
3.	Organ dalaman haiwan halal dimakan seperti hati, otak, limpa dan jantung 	Rawatan penyakit darah rendah	Ambil organ dalaman haiwan yang halal dimakan seperti hati, otak, limpa dan jantung. Lebihkan sedikit makan garam. Amalkan minum air setiap sebelum tidur dan minum air selepas bangun tidur sebelum menggosok gigi (Haron Din, 2011)
4.	Telur ayam kampung 	Rawatan penyakit jantung	Bahan utama untuk rawatan jantung perlu disediakan dan kaedah rawatan perlu dilakukan dalam tempoh sekitar satu minggu. Sediakan air kelapa muda dan isinya serta tujuh biji ketumbar dimasukkan ke dalam gelas lalu dibuat minuman di sebelah petang. Satu sudu madu lebah asli, sebiji telur ayam kampung dan tujuh biji lada hitam. Kesemuanya digaul kemudian dimakan sebelah pagi. Air yang didoakan (paling baik air zamzam) disapu di bahagian luar jantung (di bahagian dada) (Haron Din, 2011).
5.	Arnab jantan 	Rawatan penyakit lumpuh	Sembelih arnab jantan dan disalai supaya keluar minyaknya. Jika sukar disalai, goreng arnab tersebut dengan minyak masak biasa tanpa menggunakan garam. Setelah arnab garing, keluarkan arnab dari kualiti dan biarkan minyak yang telah digunakan tersebut dalam kualiti. Halia bara, ibu kunyit,

			<p>ingu dan bunga lawang ditumbuk sehingga halus. Bahan-bahan yang telah ditumbuk tadi digoreng dengan minyak bekas menggoreng arnab. Bacakan doa pada arnab dan minyak yang telah dimasak. Arnab yang digoreng diberikan kepada pesakit untuk dimakan. Sejukkan minyak di dalam kualiti tersebut. Gunakan minyak tersebut untuk mengurut bahagian badan yang lumpuh (Haron Din, 2011).</p>
--	--	--	---

Dalam Islam, penggunaan bahan rawatan berasaskan haiwan yang diciptakan oleh Allah SWT adalah dibenarkan selagimana haiwan tersebut adalah halal. Jika dilihat kepada Jadual 1, terdapat 6 jenis bahan rawatan berasaskan haiwan yang digunakan. Perincian hukum setiap bahan adalah seperti berikut:

- i. Belut: hukum belut adalah halal kerana merupakan salah satu spesis hidupan akuatik (hidupan air). Belut boleh diqiyaskan kepada hukum ikan, yang dinyatakan kehalalannya menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW: (هُوَ الطَّهَوْرُ مَاؤُهُ الْحِلُّ مَيْتَتُهُ) Terjemahan: “Air (laut) itu bersih, bangkainya juga adalah halal (dimakan)” (Ibn Majah)
- ii. Anak burung ciak rumah: merupakan spesis burung yang halal dimakan.
- iii. Organ dalaman haiwan halal dimakan: hukumnya halal dimanfaatkan jika diambil dari sumber haiwan halal yang telah disembelih secara kaedah syarak.
- iv. Telur ayam kampung: hukumnya halal dimakan.
- v. Arnab jantan: termasuk dalam spesis haiwan yang halal dimakan.

Justeru, dapat dikatakan bahawa kebanyakan spesis haiwan yang dijadikan sebagai bahan rawatan perubatan Islam adalah daripada sumber yang halal, kecuali spesis undur-undur.

### Isu-isu dan Penyelesaian

Dalam konteks perubatan Islam, terdapat ruang untuk dikaji lebih mendalam mengenai keberkesanan setiap bahan rawatan berasaskan haiwan dalam mengubati pesakit. Ini kerana, keberkesanan bahan rawatan hanyalah berdasarkan testimoni dan pengalaman para pesakit sahaja. Ilmu ini diperturunkan kepada generasi berikutnya. Namun demikian, masih belum ada bukti saintifik dan klinikal secara pasti mengenai perkara ini. Oleh itu, aspek ini masih boleh diterokai secara lebih mendalam bagi merapatkan jurang antara amalan rawatan tradisional dan moden. Menjadi satu keperluan supaya bahan-bahan ini dibuat ujikaji makmal, bagi memastikan bahan tersebut terbukti keberkesananannya. Dalam aspek yang lain, batas

halal dan haram juga perlu diutamakan dalam pemilihan bahan rawatan yang terbaik, sebelum digunakan ke atas pesakit.

Perkara ini juga bukanlah sesuatu yang mustahil kerana dalam bidang sains dan gunaan, model haiwan telah menjadi bahan eksperimen yang tidak ternilai dalam kajian saintifik terutamanya penyelidikan perubatan, untuk menguji ubat baharu atau teknik pembedahan terkini sebelum ujian ke atas manusia dapat dijalankan. Setiap ubat baharu perlu melalui beberapa proses dan diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ia boleh dipasarkan. Proses yang pertama ialah kajian *in vitro*, iaitu kajian ke atas sel manusia dalam makmal. Kebiasaannya, haiwan yang digunakan untuk ujikaji di makmal ialah tikus. Ungkapan guinea pig yang bermaksud 'bahan ujikaji' sebenarnya merujuk kepada sejenis tikus makmal yang sering digunakan dalam kajian (Johari Yap, 2021).

Selain itu, perlu ada pengawasan dari pihak berautoriti samada secara polisi dan regulasi, terhadap penggunaan haiwan dalam perubatan Islam. Pengawasan ini adalah bertujuan bagi mengawalselia isu yang timbul sekiranya berlaku komplikasi dan permasalahan yang timbul. Ini kerana, keberkesanan bahan rawatan kepada setiap pesakit mungkin berbeza.

Setakat ini Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] telah diperkenalkan untuk untuk mengawal dan memantau semua amalan-amalan perubatan tradisional dan komplementari. Dengan kata lain, selepas akta ini, tiada lagi amalan perubatan selain perubatan alopati yang boleh beroperasi melainkan tertakluk di bawah seliaan Akta 775. Bagi perubatan moden (alopati), ia telah lama berada di bawah Akta Perubatan 1971, Akta Pergigian 1971 lain-lain akta yang berkaitan. Terdapat tujuh (7) bidang amalan yang diiktiraf oleh Akta 775 iaitu:-

1. Perubatan Tradisional Melayu
2. Perubatan Tradisional Cina
3. Perubatan Tradisional India
4. Homeopati
5. Kiropraktik
6. Osteopati
7. *Amalan Pengubatan Islam*

Bermula 1 Mac 2025, pewartaan penuh penuh kesemua komponen-komponen dalam Akta 775 akan dilakukan. Ini termasuk bahagian peraturan dan denda-denda yang akan dikenakan kerana pelanggaran. Antara senarai denda dan hukuman adalah seperti berikut:

1. Mengamal di luar bidang yang didaftarkan – Denda RM30,000 hingga RM50,000 atau 2 hingga 3 tahun penjara.
2. Menjalankan rawatan tradisional/komplementari tanpa mendaftar – Denda RM30,000 hingga RM50,000 atau 2 hingga 3 tahun penjara, halangan 2 tahun.

Oleh yang demikian, setiap penyedia rawatan Islam perlulah mengambil langkah proaktif memastikan setiap perawat di bawahnya adalah berdaftar di bawah akta ini.

Selain itu, menjadi tanggungjawab pesakit secara individu dalam memilih dan menggunakan bahan rawatan berasaskan haiwan dengan bertanggungjawab.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, perubatan Islam adalah salah satu bentuk rawatan alternatif kepada rawatan moden, dan telah pun diiktiraf di bawah akta perubatan tradisional dan komplementari. Masyarakat sejak sekian lama telah bergantung kepada teknik rawatan Islam bagi sesetengah penyakit yang tidak berjaya dirawat menerusi kaedah moden. Hasil penelitian terhadap bahan-bahan rawatan berasaskan haiwan yang digunakan dalam perubatan Islam, kesemuanya adalah daripada sumber yang halal. Namun, beberapa titik kawalan halal adalah seperti memastikan bahawa proses penghasilan bahan-bahan ini juga adalah halal dan bersih. Bahan rawatan ini seterusnya digabungkan dengan beberapa bentuk doa dan rukyah, berpandukan kepada kaedah rawatan tertentu.

Dalam konteks moden, menjadi keperluan untuk dibuat penarafan semula penggunaan haiwan dalam perubatan Islam. Ini kerana tiada bukti klinikal yang jelas mengenai keberkesanan setiap bahan rawatan tersebut dalam merawat sesuatu penyakit, melainkan sekadar kebergantungan kepada testimoni dan amalan rawatan yang diwariskan antara generasi ke generasi. Justeru, bagi pengembangan amalan perubatan Islam, dicadangkan agar diadakan kerjasama penyelidikan antara pusat rawatan Islam dan para penyelidik dari institusi pengajian tinggi awam/swasta supaya penelitian makmal dapat dilaksanakan.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah geran penyelidikan daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjudul: "Management of Halal Assurance System For Chicken Slaughtering Industry In Malaysia". Kod penyelidikan: PPPI/TRANSDISIPLINARI/FSU/USIM/18723

## **RUJUKAN:**

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf (t.th). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ali Borno, Muhammad Sidqi bin Ahmad (1996). *Al-Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Maliki*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Shafie, A., Nazri, M. A., & Hussin, H. (2019). Makanan halal menurut perspektif islam dan kepentingan pelabelan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 2(3), 70-84.

- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad (2008). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani-Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110-127.
- Johari Yap (2021, Februari 1). Haiwan dan penyelidikan. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/121762/haiwan-dan-penyelidikan>.
- Zubaidah, S., Norsuhana, A. H., & Fatan, H. Y. (2012). Penggunaan haiwan bagi perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia: satu ulasan (Animals-based traditional medicine amongst indigenous people in Asia: A review). *Geografia*, 8(3).
- Haron Din (2011). *Siri Pengajian Perubatan Islam: Rawatan Penyakit Jasmani (I)*. Bandar Baru Bangi: Darussyifa.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar al-Qurashī al-Basrī (1999). *Tafsir al-Qurān al-'Azim*. 8 vols. Ed: Sāmī bin Muhammad Salāmah. Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad 'Abdullāh bin Aḥmad (1968). *Al-Mughnī*. 10 vols. Maktabah al-Qāherah.
- Al-Kāsānī, 'Alāuddīn Abu Bakr bin Mas'ud (1986). *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*. 7 vols. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhailī, Wahbah bin Mustafa (2007). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Al-Nawawī, Muḥyi al-Dīn Yahya bin Syaraf (1992). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. 18 vols. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi.
- Ibn Taimiyyah, Taqiyuddin Abū al-'Abbās Aḥmad bin Abd al-Ḥalim (1995). *Majmū' al-Fatāwā*. Ed: Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Qāsim. Madinah: Majmā' al-Mālik Fahad.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2014). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Terjemahan Zulkifli Mohamad al-Bakri. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.